

Kerajaan kecewa Melayu jual AP: PM

BH 14 SEP 2002

Oleh Norbakti Alias, Johari Ibrahim
dan Faiza Zainudin

GURUN, Jumaat – Sikap kebanyakan peniaga Bumiputera yang diberi permit (AP) untuk mengimport kenderaan terpakai menyalahgunakan kemudahan itu amat mengecewakan kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengeluarkan beribu-ribu AP kepada Bumiputera untuk mengimport kenderaan terpakai, terutama dari Jepun, kerana kerajaan mahu menjadikan mereka usahawan berjaya.

"Tetapi mereka jual AP yang diberi percuma oleh kerajaan itu dengan hasrat untuk mendapat keuntungan cepat. Kemudian mereka kembali meminta AP lagi daripada kerajaan.

"Hasrat kerajaan untuk melahirkan 30 peratus usahawan Bumiputera melalui Dasar Ekonomi Baru gagal kerana sikap menjual AP itu. Mereka bukan usahawan tulen yang sebenarnya. Mereka adalah penjual AP dan kontrak," katanya merasmikan upacara pelepasan kilang Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd, di sini hari ini.

Projek berharga RM350 juta itu adalah usaha sama Naza Kia Sdn Bhd dan Kia Motors Corporation (KMC) dari Korea Selatan, bagi memasang kereta Kia serta mengeluarkan kereta nasional MPV menggunakan teknologi terbaru negara itu.

Apabila kilang ini siap dalam tempoh 18 bulan, ia mampu memasang dan mengeluarkan 60,000 unit kereta setahun khususnya bagi pemasangan kereta jenama Kia.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif KMC, Noi Myung-kim, Pengarah Urusan Kumpulan Naza, Tan Sri S M Nasimuddin S M Amin dan Duta Korea Selatan, Rhee Young-min.

Kumpulan Naza mula terbabit dalam mengimport kereta terpakai sejak 23 tahun lalu. Kini, selain menjual kereta, ia juga kini terbabit dengan perhotelan, pengangkutan dan hartanah.

Dr Mahathir berkata, ada juga peniaga Bumiputera yang hanya berpuas hati mencari rakan kongsi daripada bangsa lain dan membiarkan orang lain menguruskan perniagaan tanpa mahu belajar selok-belok dunia perniagaan itu sendiri.

Katanya, sikap seperti itu harus dihapuskan dan peniaga Bumiputera perlu bersabar serta menguruskan perniagaan secara bijak tanpa menyalahgunakan kewangan, untuk mencapai kejayaan.

Beliau berkata, kejayaan Kumpulan Naza wajar menjadi contoh kepada Bumiputera bahawa kejayaan dan keuntungan boleh dicapai sekiranya mela-

kukan perniagaan itu dengan baik.

"Daripada mempunyai AP mengimport kereta terpakai, perniagaan kumpulan ini dimajukan dengan mengimport kereta mewah dan kini mendirikan kilang untuk memasang kereta dari Korea serta mengeluarkan kenderaan sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga boleh belajar daripada kejayaan Korea Selatan menghadapi krisis ekonominya dan terus mampu bersaing di pasaran dunia.

"Korea adalah negara yang dinamik dan mampu bersaing dengan Jepun. Produk mereka kini sudah dikenali secara meluas di dunia. Ini bererti Korea tahu bagaimana untuk bersaing dan meletakkan harga terhadap produk mereka.

"Malaysia tertarik untuk belajar dari Korea dan kita mahu tahu bagaimana Korea mampu mengurus serta muncul sebagai negara industri yang begitu cekap sehingga mampu bersaing di pasaran global," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan semua kerajaan negeri agar tidak meletakkan syarat yang keterlaluan kepada pelabur asing selepas diluluskan oleh kerajaan Pusat.

Katanya, tindakan kerajaan negeri yang meletakkan syarat tambahan seperti mahukan saham percuma boleh menakutkan pelabur, sekali gus menjejaskan usaha meningkat ekonomi penduduk setempat.